

Cegah penyalahgunaan dadah, banteras jenayah

Berita dan Foto : Haji Ariffin bin Mohamad Noor / Morshidi

GADONG, Sabtu, 21 September. - Tidak dapat dinafikan bahawa antara cabaran yang dihadapi di negara ini adalah peningkatan kes kesihatan mental termasuk dalam kalangan kanak-kanak dan remaja.

Menurut statistik Kementerian Kesihatan, sebanyak 600 konsultasi dijalankan oleh Perkhidmatan Kesihatan Mental Kanak-Kanak dan Remaja antara 2005 dan 2016.

Perkara tersebut dinyatakan oleh Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin semasa berucap selaku tetamu kehormat pada Majlis Sambutan Hari Antarabangsa Menentang Penyalahgunaan dan Pengedaran Dadah Haram Tahun 2019 yang diadakan di The Mall, Gadong, di sini.

Di samping itu, menurut Yang Berhormat, turut diambil perhatian ialah kes-kes buli yang boleh membuatkan anak-anak rasa tertekan dan berkemungkinan

memilih jalan mudah seperti terlibat dengan pengaruh penyalahgunaan dadah dan pengaruh rakan yang tidak bertanggungjawab.

Yang Berhormat turut melahirkan rasa optimis bahawa dengan memupukkan rasa cinta dan kasih sayang dalam kalangan ahli keluarga, iaitu penghubung paling dekat kepada anak-anak mampu memainkan peranan kritikal.

Justeru itu, Yang Berhormat juga berasa yakin mencegah paling efektif terhadap sebarang faktor yang mendorong kepada penyalahgunaan dadah serta pada masa yang sama kesedaran tentang erti kekeluargaan tidak mempunyai makna tanpa perasaan cinta dan kasih sayang tulen, di samping menyemai anak-anak kita dengan akhlak yang baik berlandaskan ajaran Allah Subhanahu Wata'ala.

Menyentuh kembali kepada tema 'Listen First', mendengar, memahami dan menitikberatkan keperluan anak kita, tegas Yang Berhormat, adalah faktor

'OLEH yang demikian, ujar Yang Berhormat lagi, usaha untuk membanteras penyalahgunaan dadah secara bermakna hendaklah bermula di rumah tangga dengan menjamin rasa kasih sayang di antara ibu bapa, ahli keluarga dan anak-anak, di samping rakan sebaya yang menyokong dan mendampingi mereka.'

penting dalam membesarkan mereka menurut landasan ini dan insyaaAllah, di sinilah wujudnya keluarga dan masyarakat bahagia.

Oleh yang demikian ujar Yang Berhormat lagi, usaha untuk membanteras penyalahgunaan dadah secara bermakna hendaklah bermula di rumah tangga dengan menjamin rasa kasih sayang di antara ibu bapa, ahli keluarga dan anak-anak, di samping rakan sebaya yang menyokong dan mendampingi mereka.

Yang Berhormat seterusnya menambah, perkara ini amat penting kerana kita sama-sama mengetahui bahawa kesejahteraan sesebuah keluarga akan memberi kesan kepada kesejahteraan masyarakat dan negara.

"Oleh itu, dengan inisiatif-inisiatif yang bernilai tinggi seperti majlis pagi ini, kempen-kempen kesedaran dan inisiatif untuk memperkasa golongan muda,

marilah kita meneruskan usaha bersama untuk memelihara kesihatan dan kesejahteraan anak-anak kita.

Dengan perkongsian amalan-amalan terbaik (*best practices*) melalui pendekatan Whole of Nation, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan akan sentiasa memberikan sokongan dan dorongan dalam usaha pencegahan ini," jelas Yang Berhormat seterusnya.

Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan juga percaya bahawa



MENTERI Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin semasa berucap.

mencegah atau *prevention* penyalahgunaan dadah adalah kaedah terbaik untuk membanteras jenayah ini secara bermakna sebelum ia terjadi.

JIS raikan Minggu Keamanan 2019

Siaran Akhbar dan Foto : Sekolah Antarabangsa Jerudong

TUNGKU LINK, Sabtu, 21 September. - Sekolah Antarabangsa Jerudong (JIS) baru-baru ini meraikan Minggu Keamanan, dengan menumpukan pada tema 'Kesatuan dan Masyarakat'.

Minggu Keamanan JIS diterajui, dirancang dan diselaraskan oleh Majlis Kanan Sekolah, di mana salah satu acara yang disusun sepanjang Minggu Keamanan JIS ialah 'Charity Chat Show' dengan menampilkan NGO tempatan, iaitu La Vida, the Lions Club, Smarter Brunei dan Bugtaw untuk berkongsi mengenai peranan organisasi masing-masing dalam membantu masyarakat tempatan.

Juga diadakan aktiviti-aktiviti seperti lukisan kapur, bertemakan keamanan dan video dalam kumpulan tutor dan Festival Handball.

Minggu Keamanan JIS terus diarahkan dengan Sambutan Hari Keamanan, di mana para pelajar memakai warna Sunset yang mencerminkan makna sebenar Hari Keamanan.

Setiap pelajar masing-masing membayar BND2.00 dan semua wang yang dikumpulkan akan disumbangkan kepada badan amal yang disokong sekolah, termasuk inisiatif Mata Polio (UNICEF).

Selain itu, para pelajar juga mengikuti pelbagai aktiviti lain, termasuk lukisan wajah, permainan, dan lainnya.

Minggu Keamanan JIS berakhir dengan perhimpunan bertemakan keamanan yang dirancang, diketuai oleh pasukan kepimpinan pelajar juga aktiviti membersihkan Pantai Jerudong, diketuai oleh pasukan Eco JIS.

Selain itu, Sekolah Junior juga sibuk mengadakan pelbagai aktiviti, antaranya dalam mata pelajaran Seni, murid-murid Sekolah Junior turut menyediakan reka bentuk geometri berwarna-warni yang akan digabungkan menjadi mural dinding menakjubkan di Bilik Perhimpunan Utama.

Minggu Keamanan JIS merupakan acara tahunan sekolah berkenaan dan merupakan gabungan acara pendidikan, seni dan rekreasi yang menakjubkan untuk meraikan Hari Keamanan Antarabangsa Bangsa-Bangsa Bersatu yang disambut di seluruh dunia pada Sabtu, 21 September 2019.

Tahun ini merupakan Ulang Tahun Ke-20 Penubuhan Hari Keamanan Antarabangsa, di mana sebanyak 193 buah negara mendaftar secara rasmi bagi acara tersebut.



SEBAHAGIAN pelajar Sekolah Antarabangsa Jerudong (JIS) meraikan Minggu Keamanan dengan melukis menggunakan kapur bertemakan keamanan.

Kumpulan Anak Melayu Tempatan juara pertandingan klip video pendek



MENTERI Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin (kiri) menyampaikan hadiah kepada Kumpulan Anak Melayu Tempatan daripada Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) juara dalam Pertandingan Klip Video Pendek Hari Antarabangsa Menentang Penyalahgunaan dan Pengedaran Dadah Haram.

GADONG, Sabtu, 21 September. - Hari Antarabangsa Menentang Penyalahgunaan dan Pengedaran Dadah Haram dengan tema 'Listen First - Listening to children and youth is the first step to help them grow health and safe' atau 'Dengar Dahulu - Langkah pertama untuk membantu kanak-kanak dan remaja membesar dengan sihat dan selamat' diadakan di The Mall, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat pada majlis tersebut ialah Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin yang turut menyampaikan ucapannya dan seterusnya merasmikan majlis.

Majlis anjuran Biro Kawalan Narkotik (BKN), Jabatan Perdana Menteri tersebut turut diserikan dengan persembahan lagu koir anti dadah bertajuk 'Dengarlah' yang dipersembahkan oleh seramai 15 penuntut dari Sekolah Rendah Datu Ratna Haji Muhammad Jaafar, Kiarong diikuti dengan tayangan klip video bertajuk 'Dengar Dahulu'.

Majlis turut menyaksikan penyampaian hadiah kepada kumpulan klip video pendek yang disertai oleh pelajar-pelajar dari institusi pengajian tinggi awam dan swasta yang disempurnakan oleh tetamu kehormat.

Johan pada pertandingan itu dimenangi oleh Kumpulan Anak Melayu Tempatan daripada Universiti Islam Sultan Sharif Ali

(UNISSA) dan membawa pulang hadiah wang tunai BND1,500 dan sijil. Sementara itu, berada di tempat kedua ialah Kumpulan Hubban Ushrah daripada IBTE Sultan Saiful Rijal dengan hadiah wang tunai BND800 dan sijil serta berada di tempat ketiga ialah Dayang Ana bintu Ramli daripada Kolej International Graduate Studies (KIGS) dengan wang tunai BND600 serta sijil.

Terdahulu, Pemangku Pengarah BKN, Awang Osmawi bin Osman semasa menyampaikan ucapan alu-aluannya berkata, antara program yang diungkuhkan oleh BKN sempena memperingati Hari Antarabangsa Menentang Penyalahgunaan dan Pengedaran Dadah Haram, ialah dengan menganjurkan Bengkel Intervensi bersama Kaunselor Pendidikan yang bertujuan untuk meningkatkan usaha intervensi awal melalui kaedah kaunseling di sekolah-sekolah.

Pada majlis tersebut juga menyaksikan penyampaian sijil kepada rakan-rakan strategik BKN.

Majlis berakhir dengan lawatan ke petak-petak pameran. Antara agensi-agensi yang menyertai pameran tersebut ialah Cawangan Pengawasan BKN, Pusat Al-Islah, Pusat Promosi Kesihatan, BASMIDA dan banyak lagi.

Turut hadir, pada majlis tersebut ialah Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Haji Abdul Hamid @ Sabli bin Haji Arshad dan Setiausaha Tetap (Keselamatan dan Penguatkuasaan) di Jabatan Perdana Menteri, Letenan Kolonel (B) Pengiran Haji Muhammad Sazali bin Pengiran Haji Yakob.